



KEMENTERIAN KERJA RAYA

# KENYATAAN MEDIA

## TINJAUAN PROJEK MENAIK TARAF FASILITI PEMBIAKAN SPESIS MANGSA UNTUK HARIMAU MALAYA

GUA MUSANG, KELANTAN – Yang Berhormat Datuk Seri Ahmad Maslan, Timbalan Menteri Kerja Raya telah turun padang hari ini bagi meninjau pelaksanaan projek Menaik taraf Fasiliti Pembiakan Spesis Mangsa untuk Harimau Malaya di Pusat Konservasi Hidupan Liar (PKHL), Gua Musang milik Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN). Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia telah dilantik sebagai agensi pelaksana bagi menyiapkan projek pembinaan ini yang dilaksanakan secara tender.

2. Projek ini dibangunkan di atas kawasan seluas 94.073 ekar dengan kos kontrak bernilai RM3.325 juta. Skop projek ini ialah penyediaan pagar perimeter luar *cyclone* dan *barbed wire* sekeliling sempadan kawasan, penyediaan kawasan berpagar *cyclone* bagi 21 padok termasuk *runway* rusa yang melibatkan kerja perobohan pagar padok rusa sedia ada, pembinaan menara tinjau dan 47 unit tempat menyorok anak rusa. Turut dibina ialah kemudahan asas lain seperti fasiliti penyimpanan makanan, palung minuman, tandas, rumah pam serta kerja-kerja mekanikal dan elektrik.

3. Setakat 1 Mac 2025, projek menaik taraf yang telah dimulakan pada 29 Julai 2024 ini telah mencapai status kemajuan projek sebanyak 21% iaitu tiga hari mendahului jadual dan dijangka siap sepenuhnya pada Januari 2026 seperti yang dijadualkan.

4. Secara amnya lokasi tapak cadangan ini adalah di dalam kawasan hutan dan berhampiran dengan kuarters PERHILITAN. Pusat konservasi ini berpotensi dan sesuai untuk dikelaskan sebagai hutan dimana ia tidak menjejaskan kualiti visual persekitaran dengan reka bentuk asal/semasa serta mengikut keperluan. Ini bersesuaian dengan Hala Tuju Kementerian Kerja Raya (KKR) 2025 yang menekankan pembangunan infrastruktur dilaksanakan menepati piawaian alam sekitar, sosial dan tadbir urus (*environment, social, governance, ESG*) serta mengikut spesifikasi kualiti, kos dan masa yang telah ditetapkan ke arah SIFAR PROJEK SAKIT.

5. KKR berharap kontraktor dan kumpulan projek terus berusaha untuk mempertingkatkan momentum kerja serta mengekalkan kualiti dan rekod keselamatan di tapak pembinaan agar projek ini dapat disiapkan tepat atau lebih awal dari jadual yang ditetapkan.

#Tamat#

**KEMENTERIAN KERJA RAYA**  
**18 MAC 2025**